

Saingan ulama-profesional

UM - 2/6/2007

KOTA BHARU 1 Jun - Antara Nasharudin Mat Isa dan Datuk Harun Taib, yang disifatkan pertembungan pemimpin muda dan tua, ulama dan profesional, tegas dan sederhana - siapakah yang menjadi pilihan 1,125 perwakilan Pas?

Mereka membuat pemilihan bagi jawatan Timbalan Presiden dan lain-lain jawatan peringkat kepimpinan parti dalam Mukhtar Tahunan Pas Ke-53 di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa di sini.

Jika sebelum ini, proses pemilihan dibuat pada hari kedua persidangan, kali ini ia diadakan sebelah petang, selepas perasmian muktamar dilakukan oleh Presiden, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Pemilihan dimulakan kira-kira pukul 3.45 petang selepas Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Pas Pusat, Datuk Wan Mutalib Wan Embong mengemukakan senarai nama mereka yang akan bertanding.

Wan Mutalib turut mengumumkan kemenangan tanpa ber-



AHMAD AWANG

tanding Abdul Hadi sebagai Presiden Pas bagi sesi 2007 hingga 2009.

Langkah itu yang disifatkan sebagai 'agak luar biasa' oleh beberapa perwakilan dan ia dikatakan bagi mengelak calon-calon daripada meningkatkan kempen mereka, sehingga boleh meningkatkan keadaan.

Keputusan pemilihan bagaimanapun akan hanya diumumkan pada hari akhir muktamar iaitu Ahad ini.



LO' LO'

Selain jawatan Presiden dan Pengerusi Tetap yang kekal diterajui oleh Abu Kassim Abdullah, pengundian dilakukan untuk memilih pemimpin bagi jawatan-jawatan Timbalan Pengerusi Tetap, Timbalan Presiden, Naib Presiden, Ahli Jawatankuasa Pas Pusat dan Pemeriksa Kira-Kira.

Jawatan Timbalan Pengerusi Tetap menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara Husin Ismail dengan Ishak Surin.



HUSAM MUSA

Kedua-dua mereka adalah bekas guru sekolah.

Tumpuan utama pemilihan kali ini adalah untuk jawatan Timbalan dan Naib Presiden. Bagi jawatan Timbalan Presiden, penyandang Nasharuddin Mat Isa ditentang oleh bekas Ketua Dewan Ulama Pas, Datuk Harun Taib.

Sementara lima calon bertanding bagi merebut jawatan Naib Presiden iaitu penyandang Datuk Husam Musa dan Muhammad Sabu serta tiga yang lain, Datuk Dr. Mahfodz Muhammad, Mahfuz Omar dan Ahmad Awang. Seorang lagi penyandang, Datuk Dr. Hasan Mohd. Ali bagaimanapun menarik diri bersama 16 calon yang lain.

Mahfuz ketika diminta mengulas pencalonannya berkata, beliau sudah tentu mengharapkan kemenangan, tetapi pada masa sama menyatakan kesediaannya untuk menerima kekalahan.

Ditanya pertandingan jawatan Timbalan Presiden, beliau turut mengakui tidak tahu apa mesej

yang hendak disampaikan oleh perwakilan, tetapi menyifatkan perkembangan tersebut sebagai kepelbagaian pemikiran dalam Pas.

Dalam pada itu, Hasan pula terus mengambil sikap berdiam diri apabila enggan mengulas keputusan beliau tidak mempertahankan jawatan dan kedudukannya dalam parti selepas ini.

"Saya tidak ada sebarang kenyataan kepada pihak media, malah saya telah lama tidak membuat kenyataan kepada media," katanya yang turut enggan mengulas perebutan bagi jawatan Timbalan dan Naib Presiden.

Sementara itu, beberapa perwakilan yang ditemui menyifatkan peluang 50-50 antara Nasharudin dan Harun.

Sambil menyifatkan kedua-duanya mempunyai kelebihan, mereka berkata, apa yang pasti parti Pas akan kehilangan salah seorang daripada mereka.

"Apa yang pasti, perwakilan sudah ada pilihan di kepala masing-masing," kata seorang perwakilan.